

PSIKOLOGI



Mengajak seseorang keluar untuk berjanji temu selepas ditolak pelawaannya, menawarkan kelebihan/kemudahan seperti jam kerja flexible, kenaikan pangkat, cuti yang berpanjang tetapi dengan syarat yang melibatkan gangaran seksual kepada penawar.

BUKAN LISAN



Gerak isyarat seperti merenung, bersiul atau membuat gerak isyarat seksual. Merenung dengan berniat seksual. Renungan ini merujuk kepada renungan yang bukannya mengagumi seseorang tetapi lebih kepada renungan agresif, yang banyak tertumpu pada bahagian badan seperti payudara atau pinggul.



VISUAL

Mempamerkan bahan-bahan lucah, melukis lakaran berunsur seks, menulis surat berunsur seks, dan pendedahan seksual.



MENJADI SAKSI YANG AKTIF

Saksi yang aktif adalah seseorang yang menyuarakan, atau mengambil tindakan di dalam situasi yang tidak diinginkan ataupun membahayakan seseorang atau sekumpulan.

Menentukan samada sesuatu situasi memerlukan campur tangan terus atau mengalih perhatian

- Sekiranya anda mengesan seseorang menerima gangguan, anda boleh berjalan ke arah mangsa dan berpura-pura mengetahui mangsa. Sebut "Hi!, lama tak nampak anda!" dan secara senyap mempelawa untuk berjalan dengan mereka sehingga pelaku beredar.
- Sekiranya seseorang membuat jenaka mengenai rogol, anda boleh menyampuk dan mengatakan "Saya rasa itu tak lawak ye, kerana ianya bukan situasi ringan dan boleh mendatangkan bahaya".



Mengenalpasti situasi apabila campurtangan diperlukan.



- Situasi di mana keganasan seksual dihalalkan di dalam perbualan, jenaka atau komen-komen.
- Jika seseorang menerima gangguan, sorakan ejekan atau diintip.
- Jika anda adalah seorang pengurus yang mempunyai hak dan tanggung jawab untuk menjaga keselamatan dan hal ehwal kaki tangan anda.

Menentukan keselesaan dan tahap keselamatan anda sebelum menolong

- Adakah selamat bagi anda untuk campur tangan? Dapatkan bantuan daripada rakan anda, saksi yang lain, atau pihak berkuasa yang sesuai sekiranya diperlukan.
- Berhubung dengan pihak berkuasa sekiranya situasi menimbulkan ugutan fizikal kepada anda atau orang lain.

**UNTUK KAUNSELING DAN
MAKLUMAT UNDANG-
UNDANG PERCUMA**

016 237 4221

Isnin - Jumaat : 9.30am - 4:30pm